**28.6.2021_The Sun Daily_MOSTI_Kemudahan selesa buat ibu hamil terima vaksin**

Pelan Pemulihan Negara

# Kemudahan selesa buat ibu hamil terima vaksin

## 2 PPV di Lembah Klang pastikan fasa PPN ikut perancangan

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

**Petaling Jaya:** Dua Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di Lembah Klang memberi keutamaan khas kepada lebih 4,000 ibu mengandung untuk menerima vaksin COVID-19, semalam.

Dengan lebih 100,000 wanita hamil mendaftar sebagai penerima vaksin untuk melindungi diri dan kandungan, langkah itu menandakan kemajuan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dalam memastikan peralihan fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut perancangan.

PPV Pusat Konvensyen Sunway Pyramid (SPCC) di sini, dikhususkan untuk memvaksin 2,600 ibu mengandung semalam, manakala PPV Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa (MITEC) di ibu negara memberi keutamaan kepada 1,500 wanita hamil.

Penasihat Khas (Teknologi) kepada Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dimishtra Steven Sittampalam, berkata Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) mungkin yang pertama di dunia menyediakan PPV khusus untuk ibu mengandung.

"JKJAV mungkin yang pertama di dunia menyediakan dewan khusus untuk ibu mengandung dengan 1,500 penerima di MIVEC dan 2,600 di SPCC diberi suntikan hari ini (semalam) sebelum di seluruh negara berdasarkan EDD (jangkaan tarikh bersalin)," katanya menerusi Twitter.

Tinjauan *BH* di PPV SPCC di sini, mendapati tahap keselesaan maksimum diberi keutamaan kepada golongan ibu mengandung yang hadir menerima suntikan dos pertama vaksin COVID-19.

Ketua PPV SPCC, Angela Lee, berkata kapasiti harian PPV SPCC ketika ini adalah sekitar 2,600 hingga 2,800 dos, namun dijangka meningkatkannya sehingga 5,000 dos sehari, bergantung pada arahan Perbadanan ProtectHealth Sdn Bhd (ProtectHealth).

"Sejak Kumpulan Perubatan Sunway mengambil alih operasi PPV SPCC pada 21 Jun lalu, kami sudah memberi suntikan kepada hampir 15,000 penerima vaksin dalam kalangan warga emas, termasuk seorang penerima berusia 102 tahun baru-baru ini.

"Keutamaan juga diberi kepada individu dengan komorbiditi serta ibu mengandung dan menyusukan anak memandangkan vaksin di sini adalah keluaran Pfizer, manakala fasa ketiga juga sudah bermula di PPV ini.

"Ketika ini kami beroperasi antara jam 8 pagi hingga 5 petang setiap hari dengan 300 petugas, namun dijangka melanjutkan tempoh operasi kepada 12 jam antara 9 pagi hingga 9 malam bermula 5 Julai depan," katanya ketika ditemui *BH* di sini, semalam.



*Sebahagian ibu mengandung yang hadir mengambil suntikan vaksin di PPV SPCC, semalam.*
(Foto Hazreen Mohamad/BH)

PPV SPCC menawarkan beberapa kemudahan kepada penerima vaksin, antaranya parkir percuma serta bilik bertenang atau *calm room*, khusus untuk individu yang gelisah menerima vaksin, selain turut menempatkan enam pakar obstetrik dan ginekologi di situ.

"*Calm room* memberi privasi kepada penerima vaksin yang mungkin takut disuntik, selain membantu memudahkan pemberian vaksin kepada golongan berkeperluan khas seperti sindrom Down dan autistik," katanya.

Pakar Perunding Obstetrik, Ginekologi dan Kesuburan Sunway Specialist Centre Damansara, Dr Loh Huey Wen, yang bertugas di PPV SPCC, berkata ibu mengandung memberi maklum balas positif terhadap kesediaan menerima vaksin COVID-19.

"Wanita hamil dan menyusukan anak mendapat komplikasi serius dan ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) jika dijangkiti COVID-19 kerana sistem imun yang lemah.

"Komplikasi itu boleh menyebabkan mereka sukar bernafas dan jika dimasukkan ke ICU, ia mungkin menjejaskan kadar oksigen dalam darah mereka.

"Vaksin adalah perlindungan terbaik buat penerima dan kandungan mereka," katanya.

### Soalan lazim vaksinasi COVID-19 untuk ibu mengandung, menyusukan bayi



**1** S: Adakah selamat untuk ibu mengandung?
J: Ada banyak bukti menunjukkan vaksin selamat untuk ibu mengandung.

**2** S: Siapa perlu divaksin?
J: Semua ibu mengandung terdedah pada komplikasi teruk jika dijangkiti COVID-19. Vaksinasi disarankan, khususnya untuk wanita berusia 40 tahun ke atas, BMI di atas 40 atau menghidap penyakit.

**3** S: Bila perlu divaksin?
J: Dos pertama disaran ketika kandungan 14 hingga 33 minggu.

**4** S: Boleh saya menyusukan bayi jika divaksin?
J: Penyusuan anak selepas divaksin adalah selamat kerana ia tidak mengandungi virus hidup.

**5** S: Adakah vaksin lindungi kandungan daripada jangkitan COVID-19?
J: Walaupun antibodi ditemui dalam susu ibu, tidak dapat dipastikan sama ada ia melindungi bayi daripada COVID-19.

**6** S: Apakah kesan sampingannya?
J: Kesan sampingan adalah sementara, jarang berlaku, mudah dirawat seperti rasa sakit di tempat suntikan, sakit kepala, kesejukan, penat dan sakit otot.

**7** S: Bolehkah saya menerima vaksin lain pada masa yang sama?
J: Ya, anda boleh menerima vaksin antenatal rutin pada masa sama.

**8** S: Adakah saya perlu dapatkan vaksin COVID-19 jika merancang untuk hamil?
J: Ya, kerana risiko komplikasi teruk jika dijangkiti COVID-19.

**9** S: Bagaimana jika saya pernah dijangkiti COVID-19?
J: Vaksinasi disarankan kepada bekas pesakit COVID-19. Jika sudah pulih lebih enam bulan, anda berkemungkinan sudah tidak memiliki perlindungan antibodi.

**10** S: Bagaimana jika saya ada alahan?
J: Wanita yang memiliki alahan teruk atau pernah berdepan tindak balas anafilaksis perlu rujuk doktor sebelum menerima vaksin.